

10 MAY 1997

MESYUARAT MT BINCANG POLITIK WANG PAGI INI

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) UMNO hari ini mengadakan mesyuarat bulanannya yang antara lain akan membincangkan isu-isu berbangkit di mesyuarat agung cawangan dan isu politik wang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga presiden UMNO mempengerusikan mesyuarat itu. Beliau juga dijangka akan memaklumkan kepada MT mengenai hasil lawatannya ke tiga negara Afrika baru-baru ini. Dr Mahathir akan bercuti selama dua bulan mulai 19 Mei.

Semalam, setiausaha agong UMNO, Datuk Sabbaruddin Chik menyatakan bahawa jawatankuasa pengurusan parti yang dipengerusikan oleh Timbalan Presiden parti Datuk Seri Anwar Ibrahim mungkin membentangkan laporan mengenai isu politik wang.--BERNAMA

TEAM AHA